

09/08/1999

Usaha gabung bank tiada motif tersembunyi

SHAH ALAM, Ahad - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menegaskan kerajaan tidak mempunyai apa-apa niat tersendiri atau motif tersembunyi di atas sokongannya terhadap penggabungan sektor perbankan di negara ini.

Timbalan Perdana Menteri berkata, satu-satunya matlamat kerajaan ialah untuk memperbaiki dan mengukuhkan bank-bank yang ada.

Serentak itu, beliau membidas beberapa pihak yang mengkritik dan membuat pelbagai andaian mengenai sokongan kerajaan terhadap usaha penggabungan sektor perbankan itu.

"Kerajaan tidak mempunyai apa-apa niat tersendiri atau motif tersembunyi... matlamat kita hanya untuk memperbaiki dan mengukuhkan bank-bank.

"Usaha kita untuk memperteguhkan sektor perbankan ialah supaya ia menjadi teguh dan dinamik," katanya ditemui ketika menyertai Pertandingan Golf Barisan Nasional (BN) Negeri Selangor bagi mengisi tabung Barisan Bertindak Kosovo (BBK) di Kelab Golf dan Country Kota Permai, di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai timbulnya kritikan bahawa sokongan kerajaan terhadap penggabungan bank-bank adalah berbau perkauman dan anti-Cina kerana kebanyakan bank-bank kecil di negara ini dimiliki usahawan bangsa itu.

Abdullah berkata, tindakan penggabungan hanya bertujuan untuk kebaikan masa depan sektor perbankan negara kerana menerusi cara itu, Malaysia dapat mewujudkan bank-bank yang besar secara lebih mudah dengan keupayaan besar bagi membolehkan ia bersaing dengan bank asing yang ada di negara ini.

"Saya masih ingat betapa bangkangan dan kritikan kesat yang telah dilemparkan kepada kerajaan, khususnya Perdana Menteri apabila pendekatan tertentu diambil bagi memulihkan ekonomi negara.

"Tetapi akhirnya dengan kesungguhan kerajaan menangani kegawatan ekonomi, ia akhirnya dapat dipulihkan.

"Begitu juga nanti dengan usaha mengukuhkan sektor perbankan yang hari ini ada pihak tertentu cuba membuat pelbagai andaian menunjukkan bahawa mereka kurang bersetuju dengan langkah yang diambil itu," katanya.

Sementara itu, Abdullah juga berkata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad masih belum berpuas hati dengan persediaan badan perhubungan Umno dan parti komponen Barisan Nasional (BN) di peringkat negeri bagi menghadapi pilihan raya umum tidak lama lagi.

"Perdana Menteri berkata beliau belum berpuas hati dengan persediaan negeri-negeri, bagi saya ini bermakna persediaan lebih rapi perlu dibuat bagi menjamin kemenangan besar BN...saya yakin kita tidak akan mengecewakan beliau," katanya.

Terdahulu, ketika berucap pada majlis yang sama, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Abu Hassan Omar, berkata Selangor sudah bersedia untuk menghadapi pilihan raya umum.

"Kami benar-benar komited di belakang Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri dan kami akan serahkan negeri Selangor semula (pada kerajaan BN)," katanya.

Sementara itu, Abdullah turut menggesa supaya semua pemimpin parti itu bersikap lebih prihatin terhadap keperluan rakyat negara ini.

(END)